

Nama:.....

Tingkatan: 2.....

Tarikh:.....

Hari:.....

|                                                 |                                  |
|-------------------------------------------------|----------------------------------|
| <b>Unit:</b> 2. Kebersihan Lambang Keperibadian | <b>Tajuk:</b> Hindari Dermatofit |
| <b>Kemahiran:</b> Menulis                       | <b>SP:</b> 3.1.1                 |

### TUGASAN 1: Baca nota Panduan Menulis Ulasan

#### Apa itu ulasan?

Ulasan ialah penulisan pemindahan maklumat daripada pelbagai bahan grafik kepada maklumat bertulis. Bahan grafik boleh terdiri daripada info grafik, poster, ilustrasi, kartun, graf, carta, kartun, iklan, rencana, dan pelan.

#### Format Ulasan Bahasa Melayu (Menengah Rendah)

- Jumlah patah perkataan: 80 – 100 patah perkataan
- Masa menjawab: 20 minit
- Bilangan Perenggan: satu
- Perlu ada: i) isi tersurat – maklumat yang terdapat dalam bahan grafik yang diberikan  
ii) isi tersirat – maklumat selain daripada yang terdapat dalam bahan grafik yang diberikan tetapi berkaitan dengan tajuk/tema yang disampaikan dalam bahan tersebut.
- Nyatakan jumlah patah perkataan yang digunakan dalam ulasan di sebelah kanan bawah ulasan yang telah lengkap.

#### Panduan menggira jumlah perkataan

| KAEDAH PENGIRAAN BILANGAN PATAH PERKATAAN |                                |                                   |
|-------------------------------------------|--------------------------------|-----------------------------------|
| BIL                                       | KAEDAH PENGIRAAN               | CONTOH                            |
| 1                                         | DIKIRA SATU PERKATAAN          | a. Kata Nama Khas                 |
|                                           |                                | b. Alamat pada surat setiap baris |
|                                           |                                | c. Kata ganda                     |
|                                           |                                | d. Peribahasa /Simpulan Bahasa    |
|                                           |                                | e. Nombor 2,314                   |
|                                           |                                | f. Nombor yang dieja              |
| 2                                         | DIKIRA SATU, SATU              | a. Kata majmuk                    |
|                                           |                                | b. Penanda wacana                 |
|                                           |                                | c. Frasa nama                     |
| 3                                         | TIDAK DIKIRA SEBAGAI PERKATAAN | a. Kata sendi (di, ke)            |

**Contoh Ulasan:** Lihat poster di bawah dengan teliti. Berdasarkan maklumat yang terdapat dalam poster tersebut, tulis ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.



Demam denggi disebabkan oleh gigitan nyamuk Aedes. Antara simptom demam denggi ialah pesakit akan mengalami gejala sakit perut dan cirit-birit. Selain itu, pesakit akan muntah-muntah, demam dan sakit kepala. Di samping itu, sakit otot, sakit sendi dan ruam merah di kulit juga merupakan simptom demam denggi. Demam denggi ialah sejenis penyakit berjangkit dan dalam kes yang lebih serius, penyakit ini boleh membawa maut. Oleh itu, langkah-langkah perlu diambil untuk mencegah demam denggi. Antara langkah yang boleh diambil adalah dengan memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk di persekitaran. Oleh itu, marilah kita membersihkan kawasan rumah kita.

(91 patah perkataan)

(Ayat bergaris ialah isi tersirat)

**TUGASAN 2:** Telitikan poster tentang dermatofit dan lengkapkan latihan-latihan berikut:

## Dermatofit boleh menjangkiti:

- Kulit • Kuku • Rambut

### Apa Itu Dermatofit?

Dermatofit ialah sejenis kulat yang menyebabkan penyakit kurap atau *tinea corporis*.

#### Punca

- ✦ Pengabaian penjagaan kebersihan.
- ✦ Keadaan kulit yang sentiasa lembap.
- ✦ Pemakaian baju yang diperbuat daripada fabrik yang tidak menyerap peluh.
- ✦ Iklim yang lembap dan panas.

#### Gejala atau Simptom

- ✦ Plak kemerah-merahan yang **bersisik**.
- ✦ **Bintik merah** atau bisul halus di sekelilingnya.
- ✦ Plak membesar dan membentuk **gegelang** yang kemerah-merahan di sekelilingnya.

#### Tubuh yang Dijangkiti

- ✦ Bahagian **pelipat**.
- ✦ Kawasan yang sering **berpeluh**.
- ✦ Kawasan **tertutup** seperti di punggung, paha, perut, dan sebagainya.

#### Jangkitan boleh berlaku melalui sentuhan terhadap:

- ✦ manusia atau haiwan yang berkurap;
- ✦ **sebarang objek** yang mempunyai kulat di atasnya.

#### Kesan

Pesakit sentiasa berasa **tidak selesa**.

#### Tanggungjawab Pesakit

- ✦ Dapatkanlah **rawatan segera**.
- ✦ Pastikan penyakit ini tidak **disebarkan** kepada orang lain.
- ✦ Jaga kebersihan diri, pakaian, tempat tidur, dan **persekitaran** seperti di dalam bilik tidur dan di rumah.
- ✦ **Elakkan** berkongsi tuala, pakaian, atau kasut dengan orang lain.
- ✦ **Pastikan** kawasan kulit yang terlibat tidak sentiasa lembap.

(Sumber: <http://www.myhealth.gov.my>)

**Bebaskan diri anda daripada penyakit kulit.**  
**ANDA MAMPU MENGUBAHNYA.**



Eksplorasi Minda

Cari maklumat tentang penyakit kulit yang lain dan buat perbandingan dengan penyakit kurap.

**Latihan 1:** Padankan maksud-maksud berikut dengan perkataan atau rangkai kata berwarna merah dalam poster di bawah.

| Bil. | Maksud                                               | Perkataan/Rangkai kata |
|------|------------------------------------------------------|------------------------|
| 1.   | mengeluarkan peluh                                   |                        |
| 2.   | mempunyai lapisan kulit yang berkeping-keping        |                        |
| 3.   | titik pada kulit                                     |                        |
| 4.   | merebak                                              |                        |
| 5.   | menjauhkan diri daripada melakukan sesuatu perbuatan |                        |
| 6.   | kain daripada benang yang ditenun                    |                        |
| 7.   | sesuatu yang bentuknya seperti gelang                |                        |
| 8.   | keadaan cuaca sesuatu tempat                         |                        |
| 9.   | tempat terkurung                                     |                        |
| 10.  | kondisi kulit                                        |                        |
| 11.  | tentukan                                             |                        |
| 12.  | pelipatan yang di bahagian lutut                     |                        |
| 13.  | tidak mengambil perhatian                            |                        |
| 14.  | kawasan sekeliling                                   |                        |
| 15.  | penjagaan tanpa berlengah-lengah                     |                        |
| 16.  | apa-apa saja benda                                   |                        |
| 17.  | tidak lega                                           |                        |

**Latihan 2:** Berdasarkan poster Dermatofit tuliskan satu ulasan yang panjangnya antara 80 hingga 100 patah perkataan.